



Semuanya pihak menantikan pembentangan Belanjawan 2019 kerana ia yang pertama daripada kerajaan Pakatan Harapan (PH) selepas mengambil alih tumpuk pemerintahan negara mulai Mei lalu. Kedudukan kewangan negara yang kritikal dengan beban hutang tinggi menjadikan cabaran cukup besar kepada kerajaan. Ironinya rakyat mahu lihat apa perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini, di samping terus memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terpelihara serta pembangunan negara juga rancak mengikut sasaran yang sudah ditetapkan.

Hakikatnya, rakyat meletakkan harapan tinggi kepada kerajaan baru ini. Antaranya, berharap kerajaan akan memberikan tumpuan khusus untuk terus menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat demi survival kehidupan sehari-hari. Isu utama yang perlu ditangani ialah masalah kekurangan aliran tunai di tangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana (B40 dan M40) serta peningkatan kos sara hidup yang semakin ketara. Ini bukan masalah baru tetapi rakyat meletakkan harapan besar kepada kerajaan yang baru dipilih.

Jadi rakyat mengharapkan akan ada inisiatif baru bagi meningkatkan pendapatan boleh guna bagi mengharungi cabaran kenaikan kos sara hidup. Dalam hal ini rakyat masih tertanya-tanya apakah bantuan tunai seperti Bantuan Sara Hidup yang menggantikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) akan diteruskan atau bakal digantikan dengan insentif lain. Walaupun pemberian bantuan tunai mencetuskan pelbagai polemik tapi adakalanya ia wajar

dipertimbangkan dengan memberi tumpuan kepada golongan tersasar dengan kaedah bantuan yang dipelbagaikan misalnya melalui pemberian kupon makanan atau pembelian barang dapur secara bulanan. Malah, pengumuman mekanisme pemberian subsidi bersasar juga sedang dinanti-nantikan oleh khalayak. Di samping itu, rakyat juga berharap agar sebarang cadangan cukai baru tidak akan membebankan lagi pengguna melalui kenaikan harga barang maupun perkhidmatan.

Isu pemilikan rumah juga masih kedengaran kerana kebanyakan daripada rumah yang dibina hanya menjadi rumah mampu lihat kepada majoriti rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Impian mereka untuk memiliki rumah boleh diumpamakan jauh panggang dari api. Hakikatnya rumah adalah keperluan asas setiap individu maupun keluarga. Jadi besarlah harapan rakyat agar lebih banyak rumah mampu milik akan dibina melalui inisiatif Belanjawan 2019.

BELANJAWAN 2019

Harapan dan cabaran

Untuk itu, kerjasama strategik awam-swasta perlu terus dirancakkan kerana dalam keadaan kewangan negara yang agak kritikal kita percaya pihak swasta boleh membantu melaksanakan inisiatif ini.

Peluang pekerjaan juga terus menjadi duri dalam daging dan masalah yang kelihatan begitu sukar untuk diatasi. Sama ada rakyat kita terlalu memilih pekerjaan atau pekerja asing semakin mendominasi peluang pekerjaan menjadi satu persoalan yang sukar untuk dirungkai. Namun, kita tetap harap agar akan ada usaha mengurangkan pekerja asing serta inisiatif untuk menggalakkan rakyat tempatan mengambil alih tugas tersebut. Dalam hal ini kita juga harap akan ada lebih banyak peluang pendidikan latihan dan kemahiran yang berkualiti agar golongan belia dapat manfaat yang sewajarnya.

Hutang negara dilaporkan lebih daripada RM1 trilion dan ia banyak

- **Rakyat mengharapkan akan ada inisiatif baru bagi meningkatkan pendapatan boleh guna bagi mengharungi cabaran kenaikan kos sara hidup**

mengganjal proses pembangunan dan kemajuan negara. Justeru diharap bajet ini dapat merintis jalan untuk mengimbangi dan seterusnya mengurangkan hutang berkenaan. Untuk tujuan itu pelbagai langkah penjimatan perlu digerakkan secara agresif. Agensi awam perlu membantu mengurangkan segala bentuk ketirisan dan pembaziran, di samping berusaha keras meningkatkan produktiviti dengan sumber yang terhad. Dalam hal ini kita tidak boleh lagi berkompromi maupun tolak ansur dengan apa jua pembaziran sumber, salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan sehingga mendatangkan lebih banyak lagi kemudaratan kepada dana awam dan kerugian kepada kerajaan.

Pada masa sama, kita juga mahu pihak kerajaan menilai semula semua projek mega yang sudah dirancang termasuk yang sedang dilaksanakan. Bagi yang belum dilaksanakan elok diteliti semula kewajaran dan keperluan projek terbabit sama ada benar-benar diperlukan oleh rakyat dan memberi pulangan yang setimpal (*value for money*). Jika tidak ia wajar ditangguhan ataupun dibatalkan terus. Bagi projek yang sedang dilaksanakan perlu ada kajian semula kos dan perbincangan

dengan pihak pemaju supaya dapat mengurangkan kos projek mengikut kesesuaian dan keadaan kewangan semasa. Berilah tumpuan utama kepada projek berpaksikan rakyat seperti pengangkutan awam yang lebih efisien serta rumah mampu milik.

Bagi meneruskan proses reformasi dan pembangunan negara, usaha untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara juga perlu terus diberi perhatian serius. Belanjawan ini diharap dapat mematahkan tuju ekonomi yang jelas untuk tempoh setahun yang akan datang. Misalnya perlu ada inisiatif tambahan untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan langsung asing (FDI) dengan konsep menang-menang, di samping mendapatkan komitmen pelaburan korporat dan swasta dalam negara. Langkah ini sangat mustahak kerana ia bukan saja boleh membantu pembayaran balik hutang, malah turut


- **Rakyat juga berharap agar sebarang cadangan cukai baru tidak akan membebankan lagi pengguna melalui kenaikan harga barang maupun perkhidmatan**

merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Bagi menyegarkan ekonomi domestik, penulis juga ingin sarankan kerajaan kembali melaksanakan kempen Beli Barang Buatan Malaysia supaya dapat mengurangkan pengaliran keluar duit, di samping meningkatkan pendapatan rakyat.

Apapun semua pihak kena sedar Belanjawan 2019 bakal menjadi bajet yang sangat terhad dan mencabar bukan saja kepada kerajaan tetapi juga rakyat. Penulis percaya pihak kerajaan terpaksa membuat beberapa keputusan tidak popular demi memulihkan semula masalah ekonomi dan kewangan negara. Malah, tidak keterlaluan untuk dicadangkan agar kerajaan umumkan 2019 sebagai tahun berjimat cermat negara. Jadi rakyat perlu bersedia untuk turut sama berkorban dan sedikit ‘mengikat perut’ supaya sama-sama dapat mengharungi cabaran ekonomi dan kewangan negara. Percayalah pengorbanan ini bersifat sementara dan untuk tempoh jangka pendek demi kesejahteraan pada masa akan datang. Semoga melalui belanjawan ini pihak kerajaan dapat terus menunaikan tanggungjawab moral dan sosial kepada rakyat di samping mengimbangi antara keperluan ekonomi serta kewangan negara serta tuntutan dan harapan tinggi seluruh rakyat Malaysia.

Penulis Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan